

Ucapan Perasmian
YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya

Sempena Majlis Perasmian
Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V
Shah Alam

18 Januari 2018

Shah Alam, Selangor

***Salutations* (akan disediakan pada hari majlis)**

YBhg. Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Malaysia. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana pada hari ini kita semua dapat bersama-sama berkumpul untuk meraikan pembukaan rasmi Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V di Shah Alam ini.

Para hadirin saya hormati sekalian,

2. Seperti mana kita semua sedia maklum, industri pembinaan merupakan salah satu sektor yang sedang pesat membangun

dengan projek-projek pembinaan termasuk infrastruktur awam, perumahan, kemudahan perkilangan dan perniagaan di seluruh negara. Mengikut statistik CIDB Malaysia, nilai projek pembinaan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM229 bilion dengan sejumlah 6,855 projek pembinaan yang direkodkan. Nilai ini adalah yang tertinggi semenjak tahun 2010. Nilai projek pada tahun 2017 dianggarkan mencecah RM170 bilion manakala nilai projek pembinaan pada tahun 2018 ini diunjurkan sebanyak RM140 bilion.

3. Dari segi jumlah personel binaan di pasaran sehingga kini pula, seramai 850,000 personel binaan yang terdiri daripada tenaga profesional, pekerja mahir dan pekerja am telah berdaftar dengan CIDB. Berdasarkan prestasi pada masa ini dan melihat kepada unjuran nilai projek pembinaan tahun 2018 tersebut, adalah dijangkakan permintaan personel binaan akan tetap tinggi.

4. Apabila kita membincangkan pekerja dalam industri pembinaan di Malaysia ini, salah satu isu yang menjadi sorotan media sejak kebelakangan ini ialah isu penjagaan kebajikan dan penyediaan kemudahan pekerja. Antara liputan yang sering dibangkitkan adalah mengenai kemudahan penempatan yang disediakan oleh pihak majikan tidak teratur yang mana fasiliti tidak mengikut standard yang ditetapkan dan menyebabkan

mereka terdedah dengan pola kehidupan yang perlu diperbaiki. Persekitaran yang tidak kondusif ini bukan sahaja membahayakan pekerja itu sendiri tetapi boleh mendatangkan impak-impak negatif kepada pembangunan sosio-ekonomi, keselamatan dan kesihatan setempat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Bagi menyelesaikan masalah ini dan melindungi hak dan martabat pekerja pembinaan, beberapa inisiatif utama telah digariskan dan sedang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme - CITP*). CITP yang telah dilancar oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, merupakan program selama 5 tahun yang bermula pada tahun 2016 sehingga 2020 bagi mentransformasikan industri pembinaan negara supaya setara dengan pencapaian di negara maju dari sudut kualiti, keselamatan, kemampanan alam sekitar dan produktiviti.

6. Inisiatif pertama yang dilaksanakan mengenai isu penempatan pekerja binaan ini adalah penyediaan garis panduan mengenai kemudahan dan penempatan pekerja binaan. Standard tersebut iaitu MS2593-2015 *on Construction Worker's Amenities*, telah dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama

penggiat industri dan telah diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia pada tahun 2016. Penerbitan MS2593 ini adalah sangat penting kerana buat pertama kalinya, satu garis panduan diterbitkan mengenai kemudahan dan penempatan pekerja binaan di Malaysia. Akan tetapi, garis panduan sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kesemua majikan industri pembinaan melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menyediakan penempatan pekerja mengikut standard yang ditetapkan.

7. Oleh yang demikian, CITP juga menggariskan satu lagi inisiatif, iaitu Pindaan kepada Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990) bagi memasukkan standard minimum penempatan untuk pekerja binaan. Kementerian Kerja Raya melalui CIDB sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam penyediaan cadangan peruntukan baru di dalam akta tersebut. Pindaan kepada Akta 446 ini disasarkan untuk diluluskan tahun ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Kementerian Kerja Raya di bawah program transformasi sektor pembinaan ini juga akan bersinergi dengan penggerak

industri pembinaan untuk membangun dan menyediakan sekurang-kurangnya 8 pusat penempatan pekerja binaan menjelang tahun 2020. Pada hari ini, kita menyaksikan pembukaan Penempatan Pekerja Berpusat atau *Centralised Labour Quarters* (CLQ) oleh *Construction Labour Exchange Centre* atau CLAB, yang kini merupakan salah satu subsidiari di bawah CIDB.

9. Pusat penempatan pekerja binaan yang dinamakan CLAB CLQ V di Shah Alam ini bersedia untuk menempatkan seramai 864 orang pekerja di 6 buah blok bangunan dengan 144 buah bilik. Kesemua bilik akan mempunyai 3 katil bertingkat (double-deck beds), loker dan kipas. Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pekerja terjamin, prasarana berpagar ini dibangunkan lengkap sistem kad akses pekerja, dapur, kemudahan dobi, bilik mandi, kafeteria, kedai runcit, fasiliti sukan dan ibadah. Selain itu, CLQ di Shah Alam ini adalah bersebelahan dengan CLQ IJM, CLQ AZRB dan CLQ Sunway. Kemudahan-kemudahan di pusat penempatan pekerja ini adalah setanding dengan pusat penempatan pekerja di luar negara seperti Singapura, UAE dan Hong Kong.

10. CLAB selaku agensi yang bertanggungjawab dalam merancang, menyediakan dan memantau pelaksanaan pusat

penempatan pekerja binaan ini juga akan menyelia segala kos operasi serta penyelenggaraannya. Syarikat-syarikat yang mempunyai projek di kawasan berdekatan boleh menyewa kemudahan CLQ ini daripada CLAB memandangkan tempoh pelaksanaan suatu projek itu tidak panjang bagi syarikat membina CLQ sendiri. Mekanisme sewaan ini dilihat lebih praktikal dan ekonomikal.

Para hadirin yang saya hormati,

11. Dengan beroperasinya CLAB CLQ V di Shah Alam, Kementerian Kerja Raya melalui CLAB telah mengenal pasti dan membangunkan 2 lagi pusat penempatan pekerja binaan. Saya dimaklumkan bahawa CLAB sedang berunding dengan Penang Development Corporation (PDC) dan Perbadanan Putrajaya bagi mewujudkan pusat penempatan pekerja binaan di Batu Kawan di Pulau Pinang dan Putrajaya. Kedua-dua pusat penempatan pekerja binaan ini dijangka akan bersedia untuk beroperasi pada tahun 2018.

12. Adalah menjadi harapan saya agar penggiat-penggiat industri, terutamanya pemilik-pemilik projek akan memilih dan menggunakan sepenuhnya pusat penempatan pekerja binaan ini bagi memastikan standard kehidupan pekerja mereka meningkat

dan terjamin. Saya juga amat mengalu-alukan para penggiat industri untuk bersama-sama membangunkan kemudahan CLQ ini dan membuktikan industri pembinaan negara ini adalah setaraf negara maju yang mementingkan kebajikan pekerja mereka.

13. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak MRT Corporation (MRT Corp) yang komited dalam memberikan kerjasama dan syabas kepada CIDB serta CLAB yang telah mengambil langkah pro-aktif dalam menyediakan kemudahan pusat penempatan pekerja binaan ini untuk kegunaan industri pembinaan negara. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan pembukaan Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V, Shah Alam.

Sekian, terima kasih.